JURNAL YADIM
ياياسن دعوه اسلامية مليسيا
"International Journal Of Islam And Contemporary Affairs"

VOL. 6 (1) | JUN 2026 :25-46
E-ISSN: 2785-8898
www.e-jurnal.yadim.com.my

Diserahkan: 11 Ogos 2025 Diterima : 20 Januari 2026 Atas Talian: 20 April 2026

ANALISIS KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM SPIKEM DI UPTM TERHADAP MAHASISWA DALAM PENGUKUHAN MALAYSIA MADANI

ANALYSIS ON THE EFFECTIVENESS OF THE IMPLEMENTATION SPIKEM PROGRAMME AT UPTM FOR STUDENTS IN STRENGTHENING MALAYSIA MADANI

[i]*Madihatun Zainuddin, [ii]Mohd Asyraf Rahman & [iii]Farah Mohd Ferdaus

[i-iii]Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa, Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM), 56100 Kuala Lumpur

Corresponding Author; e-mail: *madihatun@uptm.edu.my

DOI: 10.61465/jurnalyadim.v6.314

ABSTRAK

Mahasiswa sebagai generasi pelapis negara perlu mencapai kehidupan yang lebih berkualiti dan bersahsiah tinggi; justeru, fahaman dan amalan terhadap nilai Ihsan sebagai salah satu rukun dalam Malaysia Madani wajar diketengahkan dan diterapkan. Permasalahan gejala sosial, salah laku di kampus, pergaulan bebas, gengsterisme dan lain-lain merupakan salah satu punca pengabaian nilai *Ihsan* ini diterapkan ke atas mereka. Tanggal 28 Februari 2024 YADIM dengan usahasama bersama UPTM (Universiti Poly-Tech Malaysia) telah melaksanakan satu program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) yang mengangkat tema *Ihsan* iaitu Melestari Nilai *Ihsan* Bagi Pembangunan Modal Insan Masyarakat Madani. Matlamat program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penghayatan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi dalam menghayati nilai *Ihsan* bagi pengukuhan ketamadunan Malaysia Madani. Namun, kajian yang diketengahkan dalam penulisan ini adalah mengupas dan menganalisis pelaksanaan program SPIKEM secara keseluruhan. Oleh itu, objektif dalam penulisan ini adalah untuk menganalisa keberkesanan pelaksanaan program SPIKEM di UPTM ke atas mahasiswa dari kriteria-kriteria berikut; i) Urusetia dan Infrastruktur. ii) Masa dan Penceramah Program iii) Objektif Program dan Kefahaman Pengisian Program. Kajian ini menggunakan Campuran Metod iaitu kuantitatif melalui kajian survey yang dijalankan *(Google Form)* terhadap 158 peserta dari kalangan mahasiswa serta kualitatif melalui komen dan cadangan yang dikemukakan. Hasil analisis menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa berpuas hati

dan memberikan maklumbalas yang baik dari aspek kriteria-kriteria yang diketengahkan dalam kajian ini. Maklumbalas tersebut dikenalpasti melalui markah yang diberikan melalui skala dari 1 markah hingga 5 markah. Selain itu, hasil analisis juga mendapati terdapat beberapa cadangan penambahbaikkan yang dikenalpasti melalui komen dan ulasan peserta berdasarakan kriteria-kriteria yang terlibat dengan memasukkan aspek-aspek seperti perancangan program, lokasi, kemudahan infrastruktur, penglibatan pelajar secara aktif, integrasi teknologi, kaedah interaktif, keperluan asas serta kebajikan peserta.

Kata Kunci*:* Keberkesanan, program SPIKEM, UPTM, mahasiswa, Malaysia Madani

ABSTRACT

Students, as the generation that make up the country, need to achieve a better quality of life; hence, the understanding and practice of the value of Ihsan, as one of the pillars of Malaysia Madani, should be highlighted and applied. The problem of social symptoms, misconduct on campus, promiscuity, gangsterism and others are one of the causes of the neglect of the value of Ihsan applied to them. On 28 February 2024, YADIM in collaboration with UPTM (Poly-Tech University Malaysia) has implemented a Seminar on Islamic Civilization in Malaysian Civilization (SPIKEM) program with the theme of Ihsan, namely Preserving the Value of Ihsan for the Development of Human Capital of Civil Society. The aim of this programme is to increase the knowledge, awareness and appreciation of students in Higher Education Institutions in appreciating the value of Ihsan for the strengthening of the Malaysian Madani civilization. However, the study highlighted in this paper is to explore and analyse the implementation of the SPIKEM programme as a whole. Therefore, the objective of this paper is to analyze the effectiveness of the implementation of the SPIKEM program at UPTM on students from the following criteria; i) Secretariat and Infrastructure. ii) Time and Program Speakers iii) Program Objectives and Understanding of Program Content. This study uses a Mixed Method, which is quantitative through a survey study conducted (Google Form) on 158 participants from among students and qualitative through comments and suggestions submitted. The results of the analysis showed that most of the students were satisfied and gave good feedback on the aspects of the criteria highlighted in this study. The feedback is identified through the scores given on a scale from 1 mark to 5 marks. In addition, the results of the analysis also found that there were several suggestions for improvement identified through comments and comments from participants based on the criteria involved by including aspects such as programme planning, location, infrastructure facilities, active student involvement, technology integration, interactive methods, basic needs and welfare of the participants.

Keywords: *Effectiveness, SPIKEM programme, UPTM, students, Malaysia Madani*

PENDAHULUAN

Nilai ihsan merupakan salah satu tunjang utama dalam kerangka Malaysia Madani yang diperkenalkan sebagai dasar pembangunan negara berteraskan nilai, rohani, dan integriti. Dalam konteks pendidikan tinggi, penghayatan nilai ihsan amat penting bagi melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, malah memiliki akhlak mulia, berdaya saing dan berperanan sebagai tonggak perubahan dalam masyarakat. Justeru itu, generasi pelapis negara ini harus dibimbing untuk memahami dan mengamalkan konsep ihsan secara menyeluruh sebagai asas pembentukan modal insan madani, selari dengan gagasan Malaysia MADANI yang terdiri daripada rukun kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan (Ibrahim, A. 2023).

Namun begitu, realiti semasa memperlihatkan peningkatan gejala sosial dan salah laku dalam kalangan mahasiswa seperti pergaulan bebas, budaya gangsterisme dan pengabaian nilai moral yang jelas menunjukkan wujudnya kelompongan dalam penerapan nilai ihsan di kampus-kampus. Keadaan ini menuntut usaha kolektif daripada pelbagai pihak untuk memperkukuh agenda pembinaan sahsiah mahasiswa menerusi pendekatan yang holistik dan berteraskan nilai Islam (Yusoff, R. et. al. 2021).

Bertitik tolak daripada kesedaran ini, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) telah menganjurkan Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) pada 28 Februari 2024. Program ini mengetengahkan tema *"Melestari Nilai Ihsan bagi Pembangunan Modal Insan Masyarakat Madani"* dengan matlamat meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan penghayatan mahasiswa terhadap konsep *ihsan* dalam konteks pembangunan negara yang berteraskan nilai-nilai Islam melalui program-program kerohanian yang dijalankan. Sejajar dengan matlamatnya, program-program anjuran YADIM dirangka bagi mengajak dan mendidik umat Islam agar berpegang teguh kepada ajaran Islam serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian (Siren, N. et. al. 2024). Justeru, pendekatan ini merangkumi seluruh lapisan masyarakat dengan hasrat membina sebuah negara yang sejahtera berlandaskan prinsip-prinsip Islam.

Namun, penulisan kajian ini bukanlah untuk menganalisa kefahaman nilai *Ihsan* itu secara terperinci, tetapi kajian ini lebih melihat kepada keberkesanan pelaksanaan program SPIKEM yang telah dilaksanakan. Menurut Manap, R. et. al. (2018), penilaian merupakan komponen penting dalam pelaksanaan sesebuah program kerana ia berperanan mengenal pasti aspek kelemahan dan kekuatan sesuatu inisiatif. Melalui proses ini, kelemahan dapat diperbaiki manakala kekuatan boleh diperkukuh bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan program dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kaedah campuran yang merangkumi gabungan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif melalui analisis tema. Dapatan kajian ini bukan sahaja menjadi indikator tahap keberkesanan program, bahkan boleh dijadikan asas kepada penambahbaikan serta penggubalan strategi berimpak tinggi sesuatu program yang dilaksanakan khususnya dalam usaha menyemai nilai *ihsan* dalam kalangan mahasiswa.

LATAR BELAKANG & MASALAH KAJIAN

Kecelaruan dalaman yang membabitkan jiwa, emosi dan spiritual serta masalah tingkah laku merupakan antara isu yang menjadi cabaran kepada mahasiswa masa kini untuk mengekalkan sahsiah yang mulia khususnya di dalam pengajian. Cabaran pada era kontemporari membawa masyarakat yakni mahasiswa berdepan dengan masalah keruntuhan nilai kerohanian dan kemanusiaan, jenayah yang berleluasa serta ketidakseimbangan emosi sehingga menimbulkan masalah kecelaruan jiwa (Zakaria, N. D., & Azahari, R. 2022; Othman, N.S et. al. 2023). Oleh itu, dalam usaha memperkasakan dalaman rohani seharusnya diperbanyakkan program-program yang berbentuk kerohanian seperti program SPIKEM ini.

Daripada perspektif Islam, pembangunan dalaman yang melibatkan unsur rohani, emosi dan intelek berpunca daripada hati yang sihat. Isu gejala sosial, masalah kesihatan mental, pengangguran dalam kalangan graduan dan pelanggaran undang-undang atau salah laku dalam kalangan mahasiswa atau graduan memberi petunjuk wujud kelompangan dalam aspek pembangunan dalaman yang menyentuh domain afektif secara khusus (Othman, N. S., Zabidi, M. M., & Burhan, N. M. 2023). Kesan daripada isu ini, maka wajarnya dibangunkan pelbagai program-program kemanusiaan atau kerohanian yang perlu diketengahkan terlebih dahulu sebelum melihat kepada praktikalnya. Pembangunan nilai *ihsan* dilihat sebagai

pemangkin utama yang perlu dijanakan dalam jiwa-jiwa mahasiswa kini yang merupakan pelapis generasi harapan negara. Selain itu, selaras dengan pengisian program SPIKEM ini yang mengangkat tema *Ihsan* dalam perbincangan, makan nilai *Ihsan* juga sebagai teras usaha pembentukan domain afektif mahasiswa holistik dengan mengambil kira aspek "kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan" sebagaimana yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Othman, N. S., Zabidi, M. M., & Burhan, N. M. 2023).

Oleh itu, program SPIKEM yang telah dianjurkan oleh YADIM dan dilaksanakan oleh UPTM sertai disertai oleh Mahasiswa ini merupakan salah satu usaha untuk menangani isu permasalahan ini. Penekanan yang diberikan dalam program ini iaitu dari aspek *Ihsan* adalah merupakan julung pertama kalinya diperkenalkan di IPT (Institut Pengajian Tinggi) dan juga UPTM merupakan IPT pertama pada tahun 2024 yang menjadi tuan rumah menganjurkan program ini bersama YADIM. Sehubungan dengan itu, dalam melaksanakan serta menjayakan mana-mana program khususnya program yang berbentuk kerohanian banyak perkara - perkara yang perlu dilihat bagi memastikan matlamat objektifnya tercapai, apatah lagi yang membabitkan Mahasiswa (belia); golongan muda yang kebanyakannya lebih suka dengan program-program yang berbentuk hiburan. Golongan belia wajar menyertai program pembangunan kerohanian bagi membina jati diri yang mantap (Abdullah, N. S. N., Maamor, S., & Abd Wahab, N. 2021). Menurut Sharifah dan lain-lain menyatakan program pembangunan kerohanian merupakan suatu aktiviti yang mampu membina jati diri yang mantap serta sahsiah dan keperibadian yang mulia melalui peningkatan nilai kerohanian dan perkembangan emosi yang sempurna sekiranya dilaksanakan sejajar dengan keperluan golongan belia (Sharifah Nooraida Wan Hasan, dan Sharifah Fatimah Wan Jamel. 2011). (Abdullah, N. S. N., Maamor, S., & Abd Wahab, N. 2021).

Secara tuntasnya, permasalahan yang membabitkan mahasiswa khususnya yang melibatkan permasalahan dalaman dari aspek spiritual, mental, emosi dan rohani perlu dicari ruang penyelesaiannya melalui program-program kerohanian yang dijalankan oleh mana-mana pihak tertentu. Namun, keberkesanan terhadap program tersebut juga adalah sesuatu yang amat penting bagi memastikan hasrat tersebut terlaksana serta tujuan penambahbaikan di masa akan datang serta tujuan kepentingan kemaslahatan untuk semua pihak. Pendekatan dari bawah ke atas (bottom-up) melalui maklum balas awam adalah penting khasnya dalam konteks perkhidmatan yang membabitkan urusetia program seperti urusan kaunter,

penyediaan tempat program, makan minum dan lain-lain (Zainuddin, M., & Ismail, S. H. B. 2023). Oleh itu, maklum balas yang dikemukakan oleh mahasiswa dalam program ini merupakan input yang sangat penting bagi tujuan tersebut.

SOROTAN LITERATUR

Konsep *ihsan* dalam pendidikan mahasiswa berperanan penting dalam mendokong misi pembentukan masyarakat Malaysia Madani. *Ihsan*, sebagai elemen tertinggi dalam Islam selepas iman dan Islam, berfungsi sebagai asas nilai dalam pembentukan keperibadian pelajar. Abu Bakar (2023) menegaskan bahawa ihsan membentuk kerangka "Islam sosial" yang mendasari tindakan kemasyarakatan dan menolak pendekatan Islam yang eksklusif serta terasing dari realiti semasa. Pengamalan nilai ihsan ini seiring dengan gagasan Malaysia Madani yang bertunjangkan ihsan, adab, dan kebajikan. khususnya kepada mahasiswa yang menjadi pelapis generasi kepimpinan yang akan datang.

SPIKEM (Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia) muncul sebagai antara platform terbaik untuk memupuk nilai ihsan dalam kalangan mahasiswa melalui forum akademik dan wacana ilmiah. Berdasarkan laporan pelaksanaan SPIKEM di UiTM dan UPM, seminar ini bukan sahaja memberi pendedahan intelektual terhadap sejarah dan prinsip peradaban Islam, tetapi juga menyuburkan sikap peduli terhadap isu sejagat seperti kemiskinan, keadilan sosial, dan perpaduan ummah (YADIM, 2023). Pendekatan ini selari dengan pelaksanaan kursus seperti TITAS dan Etika & Peradaban di UTM dan politeknik, yang terbukti memberi kesan positif terhadap kefahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar (Jalil & Ramli, 2021; Mohd Noh & Azhar, 2021).

Menambah kepada perbincangan keberkesanan program berasaskan nilai, kajian oleh Abdullah, Maamor, dan Abd Wahab (2021) menunjukkan bahawa mahasiswa mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk menyertai program pembangunan kerohanian apabila pendekatan program tersebut bersifat praktikal, relevan, dan memberi impak kepada kehidupan seharian. Kajian yang melibatkan 430 orang responden ini mendapati bahawa pelajar memandang program berasaskan nilai sebagai satu bentuk pencerahan rohani yang menyumbang kepada pembangunan sahsiah dan ketenangan dalaman. Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan program seperti SPIKEM perlu disesuaikan dengan keperluan spiritual

dan sosioemosi mahasiswa masa kini, agar nilai ihsan bukan sahaja difahami secara teori, tetapi diamalkan dalam kehidupan seharian.

Artikel oleh Siren et al. (2024) pula membincangkan mengenai program YADIM Peduli menyumbang secara signifikan kepada perbincangan ini. Program tersebut menonjolkan pelaksanaan nilai ihsan melalui bentuk bantuan kemanusiaan, pendidikan spiritual, dan pembangunan sosial yang memberi impak positif kepada peserta, termasuk dalam aspek pengurusan emosi, peningkatan kefahaman terhadap Islam, serta pembentukan akhlak yang lebih baik. Kajian ini mendapati lebih 85% responden menunjukkan penerimaan positif terhadap pendekatan dakwah bil-hal yang digunakan dalam program tersebut, menunjukkan bahawa penerapan nilai ihsan mampu diterjemahkan dalam bentuk tindakan sosial yang praktikal. Tambahan pula, prosiding dan laporan strategik YADIM menunjukkan usaha bersepadu dan sistematik dalam merangka program-program yang berorientasikan nilai, seperti YADIM Bersamamu, Peduli Asnaf, dan Musa'adah Covid-19, yang memberikan ruang kepada pelajar untuk melibatkan diri sebagai sukarelawan serta agen perubahan dalam masyarakat. Ini selari dengan hasrat SPIKEM untuk menghasilkan mahasiswa berjiwa besar, bertanggungjawab, dan berpandangan global, namun berakar pada prinsip Islam.

Secara keseluruhan, dapatan daripada kajian-kajian lalu ini menunjukkan sinergi yang kukuh antara nilai ihsan, pendidikan tinggi Islam, dan objektif Malaysia Madani. SPIKEM berpotensi menjadi program yang menjadi model kokurikulum yang efektif dalam menyemai nilai ketamadunan yang berteraskan syariah dan ihsan secara praktikal dalam komuniti pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed-methods*), yang merangkumi pengumpulan dan analisis data kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan ini membolehkan penilaian yang lebih menyeluruh terhadap keberkesanan pelaksanaan program SPIKEM di Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) yang telah mengikuti program SPIKEM. Teknik persampelan rawak berstrata digunakan bagi memastikan perwakilan yang seimbang merentas fakulti dan program pengajian. Seramai 158 orang pelajar telah terlibat dalam soal selidik kuantitatif, terdiri daripada 109 pelajar perempuan dan 49 pelajar lelaki, berumur antara 18 hingga 25 tahun. Bagi komponen kualitatif, data diperoleh melalui respon terbuka (komen/ulasan) yang diberikan oleh pelajar dalam borang soal selidik yang sama. Komen-komen ini dianalisis bagi mendapatkan pandangan mendalam dan refleksi pelajar berkaitan pengalaman mereka menyertai program SPIKEM. Semua peserta dimaklumkan tentang tujuan kajian dan penyertaan mereka adalah secara sukarela. Kerahsiaan dan anonimitas data peserta dijaga sepenuhnya sepanjang proses pengumpulan dan pelaporan data.

Instrumen Pengumpulan Data

Data kuantitatif dikumpul melalui satu set soal selidik berstruktur telah dibangunkan bagi menilai tahap keberkesanan pelaksanaan program SPIKEM dari perspektif pelajar. Instrumen ini merangkumi beberapa aspek utama seperti Urusetia, Infrastruktur, Masa, Penceramah Objektif Program dan Kefahaman Pengisian Program. Soal selidik ini menggunakan Skala Likert lima mata, yang mengukur tahap persetujuan responden terhadap pelbagai pernyataan yang menggambarkan pengalaman mereka sepanjang mengikuti program.

Data kualitatif diperolehi melalui soalan terbuka yang disertakan di akhir soal selidik. Pelajar diberi peluang untuk memberikan komen, cadangan, atau ulasan bebas mengenai keseluruhan pengalaman mereka sepanjang menyertai program SPIKEM. Ulasan ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti pandangan yang mendalam berkaitan impak program terhadap pemahaman nilai Ihsan dan pengamalan kesopanan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kaedah Analisis Data

Data Kuantitatif:

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min, mod, dan median, bagi mengenal pasti corak umum dalam maklum balas pelajar terhadap pelaksanaan program SPIKEM. Analisis ini dijalankan dengan bantuan perisian SPSS untuk menilai keberkesanan

aspek-aspek utama program iaitu Urusetia, Infrastruktur, Masa, Penceramah Objektif Program dan Kefahaman Pengisian Program melalui dapatan min *(mean)* dan sisihan piawai *(standard deviation).*

Data Kualitatif:

Data kualitatif dianalisis menggunakan kaedah analisis tema *(thematic analysis)*. Respon terbuka daripada peserta dianalisis untuk mengenal pasti pola, tema utama, dan isu berulang yang mencerminkan pandangan pelajar terhadap keberkesanan pelaksanaan program SPIKEM.

Bagi melengkapi analisis kuantitatif yang telah dijalankan, penyelidik turut menjalankan analisis kualitatif terhadap komen terbuka yang diberikan oleh para peserta dalam borang soal selidik. Tujuan utama analisis ini adalah untuk memahami perspektif pelajar secara lebih mendalam terhadap pelaksanaan dan keberkesanan Program SPIKEM anjuran UPTM. Kaedah analisis tema (thematic analysis) telah digunakan untuk mengenal pasti pola dan makna yang berulang dalam data.

Secara keseluruhannya, kedua-dua metod yang digunapakai (Kuantitatif dan Kualitatif) saling melengkapi di antara satu sama lain. Tujuan kedua-dua metod ini digunapakai adalah bertujuan bagi memastikan kajian penulisan ini mencapai keabsahan dalam memastikan keberkesanan program SPIKEM dan seterusnya sebagai persediaan untuk menjalankan program-program sebegini di masa akan datang dengan lebih berkualiti melalui penambahbaikkan yang dijalankan berdasarkan maklumbalas peserta.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis keberkesanan Pelaksanaan Program SPIKEM 2024 Di UPTM dalam kalangan Mahasiswa UPTM.

Program ini telah dilaksanakan dengan penglibatan sebahagian staf UPTM dan staf YADIM sebagai Urusetia dan mahasiswa UPTM sebagai peserta program. Hasil analisis yang dijalankan, mahasiswa yang terlibat telah memberikan maklumbalas berdasarkan aspek-aspek berikut; Urusetia, Infrastruktur, Masa, Pengisian, Penceramah dan Kefahaman Pengisian Program.

i) Urusetia dan Infrastruktur

Urusetia yang terlibat semasa program ini adalah sebahagian daripada staf YADIM sendiri dan sebahagian staf UPTM yang terdiri daripada bahagian akademik dan bukan akademik. Terdapat juga beberapa orang urusetia dari kalangan pelajar yang juga merupakan peserta program. Urusetia yang terlibat menguruskan pelbagai aspek iaitu sebagai pemudahcara, pengurusan pendaftaran dan makan minum. Selain itu, lokasi pemilihan program juga diuruskan dan dipilih oleh urusetia yang terlantik. Lokasi program diadakan di dalam Universiti Poly-Tech Malaysia.

Jadual 1: Maklumbalas peserta mengenai pengurusan urusetia program

URUSETIA BANYAK MEMBANTU SAYA		
Markah	**Bilangan**	**Peratus (%)**
5	71	44.9 %
4	55	34.8 %
3	29	18.4 %
2	1	0.6 %
1	2	1.3 %
Jumlah	***158***	***100 %***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Jadual 1 di atas menunjukkan kepuasan hati peserta kepada keseluruhan pengurusan program terutamanya dari konteks bantuan urusetia program yang dijalankan. Berdasarkan jadual di atas, nilai min bagi pernyataan "Urusetia banyak membantu saya" adalah 4.22, menunjukkan tahap persetujuan responden berada pada aras yang tinggi, hampir kepada kategori "setuju". Nilai mod ialah 5, iaitu skor yang paling kerap diberikan, menandakan sebahagian besar responden memberikan penilaian tertinggi terhadap bantuan yang diberikan oleh urusetia. Nilai sisihan piawai (SD) pula adalah 0.85, yang relatif kecil bagi skala 5 mata, menunjukkan bahawa jawapan responden adalah konsisten dan tidak banyak berbeza daripada nilai purata. Hal ini menggambarkan persepsi positif yang tinggi serta kesepakatan yang kukuh dalam kalangan responden terhadap keberkesanan bantuan urusetia. Majoriti meletakkan markah skala paling tinggi iaitu 5 seramai 71 orang (44.9%). Seramai 55 orang (34.8%) memberikan markah 4 dan seramai 29 orang (18.4%) memberikan markah 3. Hal ini

dikuatkan lagi dengan jumlah peserta yang meletakkan markah 2 seramai 1 orang (0.6%) dan 2 orang (1.3%) memberikan markah 1.

Jadual 2: Maklumbalas peserta mengenai pengurusan makanan & minuman

MAKANAN DAN MINUMAN YANG DISEDIAKAN BERSIH & MENYELERAKAN		
Markah	**Bilangan**	**Peratus (%)**
5	85	53.8 %
4	54	34.2 %
3	18	11.4 %
2	1	0.6 %
1	0	0.0 %
Jumlah	***158***	***100.0 %***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Seterusnya Jadual 2 menunjukkan maklumbalas peserta berkenaan aspek makan dan minum iaitu seramai 85 orang (53.8%) memberikan markah 5 manakala seramai 54 orang (34.2%) memberikan markah 4. Seterusnya seramai 18 orang (11.4%) memberikan markah 3 dan hanya seorang peserta (0.6%) memberikan markah 2. Nilai min bagi pernyataan "Makanan dan minuman yang disediakan bersih & menyelerakan" adalah 4.30, menunjukkan tahap persetujuan responden yang tinggi, hampir kepada kategori "setuju". Nilai mod ialah 5, iaitu skor yang paling kerap diberikan, menandakan majoriti responden memberikan penilaian tertinggi terhadap kebersihan dan keenakan makanan serta minuman yang disediakan. Nilai sisihan piawai (SD) pula adalah 0.75, yang kecil bagi skala 5 mata, menunjukkan jawapan responden adalah konsisten dan tidak banyak menyimpang daripada nilai purata. Keputusan ini mencerminkan tahap kepuasan yang tinggi serta kesepakatan yang jelas dalam kalangan responden terhadap kualiti makanan dan minuman yang disediakan sepanjang program ini berlangsung.

Jadual 3: Maklumbalas Peserta Mengenai Lokasi Program

LOKASI PROGRAM YANG SESUAI DAN KONDUSIF		
Markah	**Bilangan**	**Peratus (%)**
5	84	53.2 %
4	55	34.8 %
3	17	10.8 %
2	2	1.3 %

1	0	0.0 %
Jumlah	***158***	***100.0 %***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Berkenaan maklumbalas lokasi program pula seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 menunjukkan jumlah seramai 84 orang peserta (53.2%) memberikan markah 5 dan seramai 55 orang (34.8%) memberikan markah 4. Seramai 17 orang responden (10.8%) memberikan markah 3 manakala seramai 2 orang peserta (1.3%) memberikan markah 2. Jumlah peserta adalah 0 untuk markah yang paling rendah iaitu 1. Bagi aspek ini, dapatan menunjukkan nilai min sebanyak 4.28, menandakan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan peserta. Nilai mod 5 mencerminkan bahawa skor tertinggi merupakan pilihan utama kebanyakan responden. Sementara itu, nilai sisihan piawai (SD) yang rendah iaitu 0.76 menunjukkan bahawa pandangan peserta adalah konsisten dan hampir dengan purata. Hasil ini membuktikan bahawa pemilihan lokasi bagi Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) adalah tepat dan memenuhi keselesaan serta kesesuaian yang diharapkan dan menunjukkan bahawa peserta juga kebanyakannya berpuas hati dengan lokasi program ini dijalankan.

ii) Masa dan Penceramah Program

Program ini dijalankan pada hari Rabu, 28 Februari 2024. Program bermula pada jam 8 pagi dan berakhir pada jam 2 petang. Keseluruhan program ini dibahagikan kepada 3 sesi. Sesi pertama bermula pada jam 8 pagi hingga 10 pagi. Manakala sesi kedua bermula pada jam 10.30 pagi sehingga jam 12 tengahhari. Sesi penutup bermula pada jam 1 petang hingga 2 petang. Program ini bertemakan "Melestari Nilai Ihsan bagi Pembangunan Modal Insan Masyarakat Madani".

Penceramah yang terlibat dalam program ini adalah seramai enam orang. Antara penceramah utama yang dijemput bagi menjayakan program ini ialah YBhg. Tan Sri Alimuddin Mohd Dom (Pengerusi Jawatankuasa Penyelarasan Pendidikan Islam Kebangsaan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia) dan Ustaz Mohd Marzuki Bin Ali, (Ketua Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa Universiti Poly-Tech Malaysia) sebagai pengerusi majlis bagi sesi wacana tokoh, bersama tajuk yang dibincangkan iaitu

"Kelestarian Ihsan dalam Pembentukan Sahsiah". Seterusnya, bagi sesi kedua forum yang bertajuk "Ihsan Pemacu Kepimpinan Modal Insan" telah dikendalikan oleh Dr. Erfino Bin Johari (Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa Universiti Poly-Tech Malaysia) selaku moderator. Antara panel jemputan yang telah menjayakan forum ini adalah Dr. Fatimah Syarha Binti Mohd Nordin (Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM) sebagai panel pertama. Panel kedua ialah Dr. Madihatun Binti Zainuddin (Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Islam, Umum dan Bahasa Universiti Poly-Tech Malaysia) dan panel ketiga adalah Prof. Madya Dr. Salasiah Binti Hanin Hamjah (Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia).

Akhir sekali, program SPIKEM ini diteruskan dengan perasmian penutup oleh YB. Senator Dr. Zulkifli Bin Hasan (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama) dan beliau menyentuh berkenaan visi baharu negara yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu "Malaysia Madani".

Jadual 4: Maklumbalas Peserta Terhadap Kecukupan Masa Bagi Setiap Sesi

MASA YANG MENCUKUPI BAGI SETIAP SESI		
Markah	**Bilangan**	**Peratus (%)**
5	84	53.2 %
4	56	35.4 %
3	16	10.1 %
2	1	0.6 %
1	0	0.0 %
Jumlah	***158***	***100.0 %***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Jadual 4 menunjukkan sebilangan besar peserta berpuas hati dengan masa yang ditetapkan dalam setiap sesi sepanjang program berlangsung. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah peserta yang memberikan markah 5 adalah seramai 84 orang (53.2%). Seramai 56 orang (35.4%) memberikan markah 4 manakala seramai 16 orang (10.1%) memberikan markah 3. Hanya seorang peserta (0.6%) yang memberikan markah 2 dan tiada peserta memberikan markah 1. Bagi pernyataan "Masa yang mencukupi bagi setiap sesi", nilai min yang diperoleh ialah 4.29, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi daripada responden.

Nilai mod 5 menggambarkan bahawa skor tertinggi adalah pilihan majoriti peserta. Selain itu, nilai sisihan piawai (SD) yang rendah iaitu 0.73 menunjukkan bahawa pandangan responden adalah konsisten dan tidak banyak berbeza daripada purata. Dapatan ini mencerminkan bahawa tempoh masa yang diperuntukkan bagi setiap sesi dianggap sesuai dan mencukupi oleh kebanyakan responden.

Jadual 5 : Maklumbalas Peserta Mengenai Penyampaian Maklumat daripada Penceramah

PENCERAMAH TELAH MENYAMPAIKAN MAKLUMAT DENGAN MUDAH DIFAHAMI		
Markah	**Kekerapan**	**Peratus (%)**
5	91	57.6%
4	47	29.7%
3	19	12.0%
2	1	0.6%
1	0	0.0%
Jumlah	***158***	***100.0%***

Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Berdasarkan jadual di atas, responden menyatakan bahawa penceramah telah menyampaikan maklumat dengan mudah difahami. Hal ini diakui oleh 91 orang (57.6%) yang memberikan markah 5, 47 orang (29.7%) yang meletakkan markah 4, 19 orang (12%) yang memberikan markah 3 dan hanya 1 orang (0.6%) yang memberikan markah 2. Bagi pernyataan “Penceramah telah menyampaikan maklumat dengan mudah difahami”, nilai min yang diperoleh ialah 4.29, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi daripada responden. Nilai mod 5 menggambarkan bahawa skor tertinggi merupakan pilihan majoriti peserta. Nilai sisihan piawai (SD) yang rendah iaitu 0.77 menunjukkan pandangan responden adalah konsisten dan tidak banyak menyimpang daripada purata. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyampaian maklumat oleh penceramah adalah jelas, teratur, dan mudah difahami oleh kebanyakan peserta.

iii) Objektif Program dan Kefahaman Pengisian Program

Antara objektif program ini adalah yang pertama meningkatkan pengetahuan dan penghayatan mahasiswa di Institusi pengajian tinggi dalam menghayati nilai bagi

pengukuhan ketamadunan Malaysia Madani. Objektif kedua ialah membangkitkan kesedaran dalam kalangan mahasiswa tentang kepentingan mereka dalam pembangunan modal ihsan. Manakala objektif ketiga pula ialah menyebarkan nilai dan budaya agar dapat difahami dan dihayati oleh belia dan masyarakat. Objektif terakhir bagi program ini ialah mengukuhkan hubungan dengan rakan strategik UPTM dalam penganjuran program dakwah kemasyarakatan.

Pengisian program pada sesi pertama telah mengetengahkan input tentang kesejahteraan nilai Ihsan dalam pengukuhan sahsiah individu. Sesi kedua pula telah membahaskan berkenaan kepentingan nilai Ihsan dalam membantu kepimpinan modal insan. Sesi akhir program ini pula telah membincangkan tentang visi Baharu Malaysia iaitu Malaysia MADANI. Secara keseluruhannya, semua pengisian program pada sesi pertama dan kedua telah mengetengahkan input berkenaan pemahaman tentang Ihsan dan mengaitkannya dengan Malaysia Madani. Manakala sesi penutup telah dibahaskan mengenai Malaysia Madani serta dirumuskan perkaitannya dengan konsep Ihsan yang dibawa.

Jadual 6 : Maklumbalas Peserta Mengenai Pengisian Program (Objektif Program)

OBJEKTIF SEMINAR TELAH DINYATAKAN DENGAN JELAS		
Markah	**Bilangan**	**Peratus (%)**
5	86	54.4 %
4	53	33.5 %
3	17	10.8 %
2	2	1.3 %
1	0	0.0 %
Jumlah	***158***	***100.0 %***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Jadual di atas menunjukkan kepuasan hati peserta kepada pengisian program yang dijalankan dan majoriti peserta mencapai objektif seminar yang telah dijalankan. Seramai 86 orang (54.4%) memberikan markah 5 dan 53 orang peserta (33.5%) memberikan markah 4. Manakala 17 orang (10.8%) memberikan markah 3 dan hanya 2 orang (1.3%) memberikan markah 2. tiada peserta yang memberikan markah 1. Bagi pernyataan “Objektif seminar telah

tercapai", nilai min yang dicatatkan ialah 4.29, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi daripada para peserta. Nilai mod 5 menandakan bahawa skor tertinggi merupakan pilihan utama majoriti responden. Nilai sisihan piawai (SD) yang rendah iaitu 0.73 menunjukkan bahawa pandangan peserta adalah konsisten dan hampir dengan purata. Dapatan ini menggambarkan bahawa objektif yang dirangka bagi seminar sehari ini telah berjaya direalisasikan dengan baik, selaras dengan jangkaan dan matlamat yang ditetapkan oleh penganjur sekaligu membuktikan bahawa majoriti peserta berjaya mencapai objektif program ini.

Jadual 7: Maklumbalas Peserta Mengenai Peningkatan Kefahaman Tentang Keseluruhan Penyampaian dan Pengisian Program

KESELURUHAN PENYAMPAIAN ADALAH SANGAT BERKESAN		
Markah	**Kekerapan**	**Peratus (%)**
5	88	55.7%
4	49	31.0%
3	21	13.3%
2	0	0.0%
1	0	0.0%
Jumlah	***158***	***100.0%***

*Sumber: Tinjauan Kajian (*survey Form*) Program Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) di UPTM

Jadual 7 menunjukkan bahawa seramai 88 responden (55.7%) yang memberikan markah 5 bagi menunjukkan peningkatan pemahaman mereka tentang input pengisian yang telah disampaikan sepanjang program. Manakala seramai 49 orang responden (31.0%) memberikan markah 4 dan 21 orang responden (13.3%) memberikan markah 3 dan tiada responden memberikan nilai 2 ataupun 1. Nilai min yang dicatatkan bagi aspek ini ialah 4.22, menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden. Nilai mod 5 menandakan bahawa skor tertinggi merupakan pilihan majoriti peserta. Nilai sisihan piawai (SD) yang rendah iaitu 0.71 menunjukkan pandangan responden adalah konsisten dan hampir dengan purata. Dapatan ini menunjukkan bahawa program ini telah memberi impak positif yang ketara dalam meningkatkan kefahaman peserta terhadap keseluruhan penyampaian serta pengisian sepanjang program. Hal ini selari dengan nilai Ihsan yang ditekankan dalam input

pengisian program, iaitu mengamalkan sikap terbaik dalam pemikiran, tindakan dan penyampaian ilmu, sehingga peserta bukan sahaja memahami konsep Malaysia Madani, malah terdorong untuk menghayati dan mengaplikasikannya dalam kehidupan bermasyarakat.

Cadangan Penambahbaikkan Melalui Maklumbalas Mahasiswa (Peserta)

Melalui *survey* yang dijalankan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikkan yang diketengahkan oleh peserta sebagai panduan untuk pelaksanaan program-program sebegini di masa akan datang. Ia bukan sahaja untuk manfaat satu pihak sahaja tapi kedua-dua pihak iaitu di antara YADIM dan UPTM. Dapatan awal menunjukkan bahawa majoriti responden memberikan maklum balas yang bersifat positif. Komen seperti "Program yang bagus", "Sangat bermanfaat", "Terbaik" dan "Semuanya sempurna" merupakan antara ungkapan yang kerap muncul. Maklum balas ini menunjukkan bahawa pelajar menghargai inisiatif yang dijalankan oleh pihak penganjur dan merasakan kandungan program adalah relevan serta berimpak tinggi terhadap pembangunan diri mereka, khususnya dari segi nilai-nilai spiritual dan sahsiah.

i) Urusetia dan Infrastruktur

Walaupun majoriti responden memberikan komen positif, terdapat juga beberapa cadangan yang mencerminkan keperluan untuk penambahbaikan daripada pihak urusetia. Beberapa komen menekankan aspek perancangan program yang lebih teratur, seperti "Program jangan dijalankan secara tergesa-gesa", "Perlu ada jadual yang lebih sistematik" dan "Tepati masa". Hal ini menuntut urusetia agar lebih teliti dalam menyediakan jadual dan memastikan infrastruktur sokongan seperti sistem masa, bilik mesyuarat, serta penyelarasan penceramah berada dalam keadaan optimum. Di samping itu, responden turut menyarankan supaya kandungan disesuaikan dengan minat pelajar, misalnya menambah topik-topik yang lebih kontemporari dan dekat dengan realiti mahasiswa masa kini.

Selain itu, salah satu isu yang turut dikenalpasti adalah berkaitan dengan keselesaan tempat program. Antara komen yang diberikan termasuk "Tempat program terlalu kecil", "Sediakan dewan yang lebih luas" dan "Kurang selesa untuk bilangan pelajar yang ramai". Situasi ini menunjukkan terdapat keperluan logistik yang perlu diberi perhatian oleh pihak urusetia dalam penyediaan infrastruktur program. Pemilihan lokasi yang lebih strategik serta

penyediaan kemudahan asas seperti kerusi, meja, sistem penghawa dingin, pencahayaan dan sistem audio visual yang baik akan membantu menjamin pengalaman program yang lebih kondusif untuk peserta.

Dapatan lain pula menunjukkan perlunya penggunaan teknologi dalam menyampaikan pengisian. Komen seperti "*Gunakan aplikasi seperti Kahoot untuk kuiz*", "*Live streaming perlu lebih jelas*" dan "*Boleh guna platform digital untuk soal jawab*" membuktikan bahawa generasi pelajar hari ini cenderung kepada kaedah penyampaian yang lebih digital dan interaktif. Oleh itu, urusetia perlu memastikan infrastruktur teknologi seperti capaian internet yang stabil, peralatan teknikal seperti projektor, komputer, kamera serta tenaga kerja sokongan disediakan secukupnya bagi menyokong keberkesanan program.

Di samping itu, beberapa responden turut memberi perhatian terhadap aspek kebajikan peserta, termasuk keperluan rehat dan penyediaan makanan/minuman. Komen seperti "*Sediakan air mineral*", "*Perlu ada waktu rehat yang jelas*" dan "*Ambil kira keperluan asas pelajar*" menunjukkan bahawa kesejahteraan peserta turut mempengaruhi pengalaman keseluruhan mereka terhadap program. Justeru, pihak urusetia perlu lebih peka dalam menyediakan infrastruktur kebajikan seperti ruang rehat, kemudahan tandas, serta bekalan makanan dan minuman yang mencukupi agar pelaksanaan program dapat berlangsung dengan lebih teratur, mesra peserta dan menyeluruh dari segi keselesaan.

ii) Masa dan Penceramah Program

Beberapa komen mencadangkan agar pelajar lebih dilibatkan secara aktif sepanjang program. Cadangan ini termasuk "*Melibatkan pelajar secara langsung dalam sesi*", "*Beri peluang kepada pelajar bertanya atau memberi pandangan*", serta "*Libatkan lebih ramai pelajar dalam pelaksanaan*". Hal ini juga berkait rapat dengan pengurusan masa dan penyelarasan penceramah, kerana ruang interaksi yang mencukupi perlu dirancang dengan teliti agar pelajar berpeluang menyumbang pandangan tanpa menjejaskan kelancaran jadual program. Walau bagaimanapun, dapatan turut menunjukkan bahawa tempoh masa sebenarnya bukanlah satu masalah, sebaliknya bagaimana urusetia dan penceramah menyusun atur ruang masa untuk interaksi lebih aktif yang menjadi faktor penentu. Dapatan ini menunjukkan bahawa pendekatan dua hala dan kolaboratif bukan sahaja meningkatkan keberkesanan

penyampaian, malah menjadikan program lebih inklusif serta memberi nilai tambah kepada keseluruhan pengisian

iii) Objektif Program dan Kefahaman Pengisian Program

Sebilangan besar responden juga memberikan jawapan "Tiada", "-", atau tidak menjawab soalan terbuka tersebut. Ini boleh ditafsirkan sama ada sebagai petanda bahawa mereka berpuas hati dengan pelaksanaan program atau tidak mempunyai cadangan lanjut untuk diberikan. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa objektif program dapat difahami dan dicapai dengan baik oleh sebahagian besar peserta, sekali gus mencerminkan tahap kefahaman yang positif terhadap pengisian yang disampaikan. Secara keseluruhannya, analisis dalam kajian ini mendapati dan menunjukkan bahawa Program SPIKEM telah mendapat penerimaan yang baik dalam kalangan mahasiswa. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang boleh diberi perhatian untuk penambahbaikan pada masa hadapan, terutamanya berkaitan perancangan logistik, kaedah penyampaian interaktif, serta penglibatan pelajar secara lebih menyeluruh. Penemuan ini selari dengan dapatan kuantitatif yang secara umum menunjukkan tahap kepuasan pelajar yang tinggi terhadap program ini, di samping mengesahkan bahawa matlamat dan pengisian program berjaya difahami serta memberi impak yang positif kepada peserta.

PENUTUP

Kajian ini secara menyeluruh telah membuktikan bahawa Program SPIKEM yang dilaksanakan di Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) memberikan kesan yang signifikan terhadap keberkesanan program yang dianjurkan melalui maklum balas yang positif daripada peserta. Hal ini merangkumi aspek kepuasan peserta terhadap urusetia dan infrastruktur, masa dan penceramah program. Melalui pendekatan kaedah campuran (mixed-method), analisis kuantitatif dan kualitatif menunjukkan penerimaan positif yang kukuh daripada para peserta, terutamanya dalam aspek pengurusan, kandungan program, penyampaian penceramah serta keselesaan fasiliti.

Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa majoriti pelajar memberikan markah tertinggi (skala 5) terhadap aspek pengurusan urusetia, pendaftaran, makanan, lokasi dan kefahaman isi program. Ini mencerminkan keberkesanan penganjuran dari sudut pelaksanaan

teknikal. Manakala dari sudut impak intelektual dan rohani, komen-komen pelajar memperlihatkan penghargaan terhadap nilai-nilai murni yang diketengahkan serta pengaruh positif terhadap pembentukan sahsiah dan jati diri mereka.Walaupun secara umumnya program ini dianggap berjaya, namun, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti melalui maklum balas terbuka peserta. Ini termasuk keperluan terhadap perancangan yang lebih sistematik, penggunaan teknologi interaktif, penglibatan pelajar secara lebih aktif, penambahbaikan aspek logistik serta penekanan terhadap kesejahteraan peserta. Semua ini adalah aspek yang perlu diberi perhatian dalam penganjuran program akan datang untuk menjamin pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna dan inklusif.

Kesimpulannya, SPIKEM telah membuktikan potensinya sebagai model program pembangunan kerohanian yang relevan, berjaya dan berimpak tinggi dalam usaha menyemai nilai *ihsan* dalam kalangan mahasiswa. Keberkesanan program ini dikenali sebagai satu intervensi pendidikan nilai memperlihatkan potensi besar dalam menyumbang kepada pembinaan modal insan holistik yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berakhlak, berjiwa masyarakat dan berdaya saing dalam membentuk peradaban Malaysia Madani.

PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada kepada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di atas kesudian berkolaborasi bersama UPTM dalam menghasilkan SPIKEM 2024 dengan bertema dan mengangkat nilai *Ihsan* dalam kalangan masyarakat khususnya Mahasiswa.

RUJUKAN

Abdullah, N. S. N., Maamor, S., & Abd Wahab, N. (2021). Tahap Kecenderungan Mahasiswa Menyertai Program Pembangunan Kerohanian. *e-BANGI*, *18*(1), 215-231.

Abu Bakar, N. (2023). *Pemerkasaan Islam sosial untuk peradaban madani*. eJournal UPSI. https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/MUNSYI/article/view/8728

Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd. https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/buku/2023/ogos/E-BOOK_MEMBANGUN_NEGARA_MADANI.pdf

Jalil, M. A., & Ramli, M. A. (2021). *Integrasi nilai ketamadunan dalam pengajaran TITAS di UTM*. Sains Humanika, 13(3), 45–55. https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/958

Normadiana Binti Mohammad Hanapi, Norizah Bt Omar, Mohammad Mokhtar B Samat, Mohd Mawardi B Mohd Kama

Mohd Noh, N., & Azhar, N. (2021). *Kefahaman dan pengamalan nilai-nilai murni melalui kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam kalangan pelajar Politeknik Mersing*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/390119130

Othman, N. S., Zabidi, M. M., & Burhan, N. M. (2023). Kerangka Konsep Ihsan dalam Pembangunan Afektif Mahasiswa. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, *9*(1), 76-89.

Ranita Manap, Norziah Othman, Siti Nurashidah Roslan, Khairunnisa Ismail & Aimi Fadzirul Kamarubahrin (2018)

Rohayu Yusoff, Badriah Nordin & Fauziah Tengah. 2021. *Kesihatan Mental Golongan Remaja Menurut Maqasid Syariah*. Jurnal YADIM, 1(2), 75-90. https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v1i2.62

Siren, N. R., Esa, M., & Hassan, J. (2024). *Pelaksanaan dan penerimaan Program YADIM Peduli dalam melestarikan bantuan kemanusiaan*. Jurnal YADIM, 4(1), 52–75. https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.182

Sharifah Nooraida Wan Hasan, dan Sharifah Fatimah Wan Jamel. 2011. Tinjauan keperluan aktiviti kerohanian dalam kalangan guru pelatih muslimah di IPG Kampus Batu Lintang. Jurnal Penyelidikan IPG Kampus Batu Lintang, 10, 1-13.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2023). *SPIKEM di UiTM Shah Alam dan UPM: Seminar Peradaban Islam dalam Ketamadunan Malaysia*. https://www.yadim.com.my/v2/spikem-di-uitm-shah-alam/

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2022). *Pelan Strategik YADIM 2022–2024*. Putrajaya: YADIM.

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). (2021). *Laporan Tahunan YADIM 2021*. Putrajaya: YADIM.

Zainuddin, M., & Ismail, S. H. B. (2023). Aduan Awam: Hubungkaitnya dengan Perkhidmatan Layanan, Kepuasan dan Piagam Pelanggan di Agensi Islam: Public Complaint: Its Relationship With Customer Service, Customer Satisfaction and Client Charter at Muslim Agency. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, *3*(1), 137-158.

Zakaria, N. D., & Azahari, R. (2022). Menghayati nilai Iman, Islam dan Ihsan dalam mendepani cabaran kontemporari. *Ar-Rā'Iq*, *5*(1), 20-74.